# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Please read this Product Disclosure Sheet and the general Terms and Conditions before you decide to apply for the Over the Counter Letter of Credit.

The Information given below is merely general information of the product Term& Conditions may vary on case to case basis.

**RHB Bank Berhad (6171-M)**

**OVER THE COUNTER LETTER OF CREDIT (OTCLC)**

## PRODUCT INFORMATION

Letter of Credit (LC) is one of the payment methods for settlement of domestic and international trade transactions.

It is a written undertaking given by a bank (Issuing Bank) to the seller (beneficiary), at the request and on the instructions of the buyer (applicant), to pay at sight or at a determinable future date up to a stated sum of money, within a prescribed time limit and against compliant presentation of stipulated documents.

Over-The-Counter LC (OTCLC) is a LC facility offered to customers, secured against 100% Fixed Deposit or cash margin in Ringgit Malaysia (RM) / foreign currency for full LC amount plus variance / tolerance.

If security / collateral are in the currency of the LC, the cover shall be 100% of the full LC amount plus variance / tolerance, if any.

For foreign LC, we will earmark the Multi Currency Account for same currency amount. However, if the security is in RM equivalent, the cover shall be 120% (for new and existing customer) for the full LC amount plus variance / tolerance, if any. The RM equivalent shall be computed based on the Bank's prevailing counter selling rate. In addition, any fluctuation in foreign exchange rate causing the security / collateral cover in RM equivalent to fall below the required 120% for the full LC amount plus variance / tolerance, if any will require additional security / collateral to cover the increase and must be provided by customer.

Where LC amendment involves an increase in amount, additional security / collateral to cover the increase must be provided by applicant.

## FEES, EXPENSES AND TAXES

For the avoidance of doubt, the Customer shall bear all professional fees, taxes (including but not limited to service tax or Goods and Services Tax (GST)), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of this product.

GST – Standard-Rated Supply (0%) applicable for all fees and charges unless otherwise stated below.

| TYPE OF CHARGES / SERVICES | SALIENT FEES AND CHARGES (Inclusive of GST) |
|---|---|
| **OTCLC Commission** | 0.10% per month or part thereof for the validity of OTCLC per transaction with Minimum (Min) RM150.00 |
| **OTCLC Amendment Commission on Validity Period** | 0.10% per month or part thereof for the extended period per transaction with Minimum RM50.00 for 1st amendment, RM100.00 for subsequent amendment<br><br>Flat: RM50.00 for 1st amendment. RM100.00 for subsequent amendment if the original commission charged is sufficient to cover the extended validity period of LC. |

| TYPE OF CHARGES / SERVICES | SALIENT FEES AND CHARGES (Inclusive of GST) |
|---|---|
| **OTCLC Amendment Commission on Increase in Amount** | 0.10% per month or part thereof for the incremental value, Min: RM50.00 for 1st amendment. RM100.00 for subsequent amendment |
| **OTCLC Other Amendment** | Flat: RM50.00 for 1st amendment. RM100.00 for subsequent amendment per request |
| **Inward Bills Acceptance Commission** | Commission 0.10% per month or part thereof on the usance tenor. Min RM100.00 |
| **If all charges outside Malaysia to be borne by applicant as stated in the LC terms and conditions, the following charges will be imposed:** | LC in foreign currency – RM2,000.00 (flat)<br>LC in RM – RM500.00 (flat) |
| **Others** | Plus RM100.00 handling (service) fee for issuance and amendment of LC in hardcopy (applicable to all LC types). In addition, reimbursement/ payment fee, normal telex/ courier and other out of pocket charges, where applicable, will also be imposed. |
| **Handling (Service) fee** | Payment – RM5.00<br>Stamping – RM5.00 |
| **Cost of SWIFT** | (see table below) |
| **Cost of RENTAS** | RM3.00 |
| **Cost of Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |
| **Postage/Delivery Charges** | |
| **Local Party**<br>• **Normal mail**<br>• **Registered mail**<br>• **Courier / hand delivery** | • RM2.00<br>• RM3.00<br>• Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00 |
| **Foreign Party**<br>• **Normal mail**<br>• **Registered mail**<br>• **Courier / hand delivery** | • RM3.00<br>• RM5.00<br>• Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00 |

Cost of SWIFT:

| | Payment /Short (RM) | Long (RM) |
|---|---|---|
| **Local** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapore** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Others** | 30.00 | 80.00 |

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1-June-18

**CUT-OFF TIME FOR TRANSACTION TO BE PROCESSED**

OTCLC Issuance / Amendment / Acceptance– 2.00pm.

Foreign currency OTCLC payment processing is subject to the respective foreign currency cut-off processing time.

OTCLC Payment via RENTAS – 12.00pm

OTCLC Payment via IBG – 2.00pm

**BRIEF TERMS & CONDITIONS**

The security pledged or charged to the Bank shall be in the form of cash margin or fixed deposit. All interest earned on the fixed deposit shall be capitalised. The Bank shall have custody of the receipt for the fixed deposit. The cash margin or fixed deposit shall be used to meet the Bank's payment obligations under the Letter of Credit. Upon presentation of the documents under the Letter of Credit to the Bank for payment, the Bank shall be at liberty to make such payment from the cash margin account. In the case of a fixed deposit account the Bank shall be entitled to uplift or liquidate the fixed deposit in the account whether or not it has matured and to use the proceeds thereof to discharge the Letter of Credit. If the amount of the fixed deposit liquidated are used to make partial payment claimed under the Letter of Credit, the balance of such proceeds of the fixed deposit after making such payment will be credited into the applicant's current account or cash margin account or other account maintained with the Bank. The amount credited into any such account shall not be utilised by the applicant but shall be earmarked and held by the Bank for subsequent payment of the unpaid balance of the Letter of Credit.

The applicant shall indemnify and keep the Bank indemnified against all actions, losses, damages, claims, costs, expenses, demands and liabilities of whatever nature which the Bank may incur, sustain or suffer by reason of the Bank at the request of the applicant in establishing the Letter of Credit including subsequent extensions and amendments thereof. In the case where the applicant shall be two or more persons the liabilities of the applicant shall be joint and several

The Bank and its nominated bank shall assume no liability or responsibility for the form, sufficiency, accuracy, genuineness or legal effect of the documents received under the Letter of Credit nor for the quantity and/or quality of the merchandise described in such documents.

This Letter of Credit is subject to the Uniform Customs and Practice for Documentary Credits, International Chamber of Commerce Publication currently in force.

All transport documents are consigned or addressed to applicant/customer and one original for Bill of Lading or a copy of other transport document are to be sent to the Customer and hence the issuance of Shipping Guarantee related to OTCLC is not allowed.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1-June-18

**CONTACT DETAILS**

Should you require any further information, please contact us at:

**Group Transaction Banking Product**
**RHB Bank Berhad**
**Level 3, Tower 3,**
**RHB Centre,**
**Jalan Tun Razak,**
**50400 Kuala Lumpur**
**Tel:(603)92806323 / 92807254 / 92806615 / 92806601/ 92807076 / 92806086**
**Or visit**
**http://www.rhbgroup.com/**
**(Business / Transaction Banking) for regional offices contact details.**

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1-June-18

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini dan Terma dan Syarat am sebelum anda memutuskan untuk memohon Surat Kredit Di Kaunter.

Maklumat yang diberikan di bawah hanya maklumat am tentang produk. Terma & Syarat mungkin berbeza mengikut situasi.

**RHB Bank Berhad (6171-M)**

**SURAT KREDIT DI KAUNTER (SKDK)**

**MAKLUMAT PRODUK**

Surat Kredit adalah salah satu kaedah pembayaran untuk menyelesaikan urus niaga perdagangan domestik dan antarabangsa.

Ia merupakan satu aku janji bertulis yang diberikan oleh pihak bank (Bank Pengeluar) kepada penjual (benefisiari), atas permintaan dan arahan pembeli (pemohon), untuk membayar sejumlah wang apabila surat kredit dikemukakan atau pada masa akan datang yang ditetapkan setakat jumlah wang yang dinyatakan, dalam had masa yang tertentu dan patuh pada pengemukaan dokumen yang dinyatakan.

SK Di Kaunter (SKDK) adalah satu kemudahan yang ditawarkan kepada pelanggan, dijamin dengan Deposit Tetap 100% atau margin tunai dalam Ringgit Malaysia (RM)/ mata wang asing untuk satu amaun penuh bagi SK serta varians/ toleransi.

Jika jaminan/cagaran dalam mata wang SK, perlindungannya akan sebanyak 100% amaun penuh SK serta varians/ toleransi, jika ada.

Untuk SK asing, kami akan memperuntukkan Akaun Pelbagai Mata Wang untuk amaun mata wang yang sama. Walau bagaimanapun, jika jaminan dalam RM yang bersamaan, perlindungannya akan sebanyak 120% amaun penuh SK serta varians/ toleransi(untuk pelanggan baru dan sedia ada), jika ada. Amaun RM yang bersamaan hendaklah dikira berdasarkan kadar semasa jualan di kaunter pihak bank. Selain daripada itu, sebarang turun naik dalam kadar pertukaran mata wang asing yang menyebabkan jaminan/cagaran yang dilindungi dalam amaun RM bersamaan jatuh di bawah 120% yang dikehendaki untuk amaun penuh SK serta varians/ toleransi, jika ada, akan memerlukan jaminan/ cagaran tambahan untuk menampung pertambahan dan hendaklah disediakan oleh pelanggan.

Jika pindaan SK melibatkan pertambahan dalam amaun, jaminan / cagaran tambahan untuk menampung pertambahan hendaklah disediakan oleh pemohon.

**FI, PERBELANJAAN DAN CUKAI**

Bagi mengelakkan keraguaan, Pemohon hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau Goods and Services Tax “GST”), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.

GST – Pembekalan Berkadar Standard (0%) untuk semua fi dan caj melainkan yang dinyatakan sebaliknya di bawah.

| JENIS PERKHIDMATAN / CAJ | BAYARAN DAN CAJ YANG PENTING (TERMASUK GST) |
|---|---|
| **Komisen SKDK** | 0.10% setiap bulan atau sebahagian daripadanya untuk tempoh sah SKDK setiap urus niaga dengan jumlah Minimum (Min) RM150.00 |

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1-Jun-18

| JENIS PERKHIDMATAN / CAJ | BAYARAN DAN CAJ YANG PENTING (TERMASUK GST) |
|---|---|
| **Komisen Pindaan SKDK pada Tempoh Sah** | 0.10% setiap bulan atau sebahagian daripadanya untuk tempoh yang dilanjutkan setiap urus niaga dengan jumlah Minimum RM50.00 untuk pindaan pertama, RM100.00 untuk pindaan berikutnya<br><br>Amaun sama rata: RM50.00 untuk pindaan pertama. RM100.00 untuk pindaan berikutnya jika komisen asal yang dicaj mencukupi untuk menampung tempoh sah lanjutan SK. |
| **Komisen Pindaan SKDK jika terdapat Pertambahan dalam Amaun** | 0.10% setiap bulan atau sebahagian daripadanya untuk nilai tambahan, Min: RM50.00 untuk pindaan pertama. RM100.00 untuk pindaan berikutnya. |
| **Pindaan Lain SKDK** | Amaun sama rata: RM50 untuk pindaan pertama. RM100.00 untuk pindaan berikutnya setiap permintaan |
| **Komisen Penerimaan Bil Masuk** | Komisen 0.10% setiap bulan atau sebahagian daripadanya mengikut tempoh usans. Min RM100.00 |
| **Jika semua caj di luar Malaysia akan ditanggung oleh pemohon seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat SK, caj berikut akan dikenakan:** | untuk SK dalam mata wang asing - RM2,000.00 (amaun sama rata)<br><br>untuk SK dalam RM - RM500.00 (amaun sama rata) |
| **Lain-lain** | Berserta bayaran pengendalian (perkhidmatan) RM100.00 bagi pengeluaran dan pindaan SK dalam salinan fizikal (terpakai pada semua jenis SK). Selain itu, bayaran ganti/pembayaran fi, teleks biasa / kurier dan caj tunai langsung, yang mana berkenaan, akan juga dikenakan. |
| **Bayaran Pengendalian (Perkhidmatan)** | Untuk Pembayaran – RM5.00<br>Untuk Penyeteman dokumen – RM5.00 |
| **Kos SWIFT** | (see table below) |
| **Kos RENTAS** | RM3.00 |
| **Kos Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |
| **Caj Pos / Penghantaran** | |
| **<u>Tempatan</u>**<br>• **Surat Biasa**<br>• **Surat Berdaftar**<br>• **Kurier / Serahan Tangan** | <br>• RM2.00<br>• RM3.00<br>• Caj Kurier / Pengangkutan dengan tambahan bayaran RM5.00, Min RM10.00 |

Kos SWIFT:

| | Pembayaran / Mesej Pendek (RM) | Mesej Panjang (RM) |
|---|---|---|
| **Tempatan** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapore** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Lain Tempat** | 30.00 | 80.00 |

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1-Jun-18

| JENIS PERKHIDMATAN / CAJ | BAYARAN DAN CAJ YANG PENTING (TERMASUK GST) |
|---|---|
| <u>**Luar Negeri**</u><br>• **Surat Biasa**<br>• **Surat Berdaftar**<br>• **Kurier / Serahan Tangan** | <br>• RM3.00<br>• RM5.00<br>• Caj Kurier / Pengangkutan dengan tambahan bayaran RM5.00, Min RM10.00 |

**WAKTU TERAKHIR UNTUK MEMPROSES TRANSAKSI**

Pengeluaran / Pindaan / Penerimaan SKDK– 2.00pm

Pemprosesan Pembayaran SKDK dalam wang asing tertakluk pada waktu terakhir pemprosesan pembayaran wang asing yang berkenaan.

Pembayaran SKDK melalui RENTAS – 12.00pm

Pembayaran SKDK melalui IBG – 2.00pm

**TERMA & SYARAT RINGKAS**

Jaminan yang diaku cagar atau dicaj kepada pihak bank hendaklah dalam bentuk margin tunai atau deposit tetap. Semua faedah yang diperoleh daripada deposit tetap akan dipermodalkan. Pihak bank akan menyimpan penerimaan deposit tetap tersebut. Margin tunai atau deposit tetap akan digunakan untuk memenuhi kewajipan untuk menunaikan pembayaran kepada pihak bank di bawah Surat Kredit. Semasa pengemukaan dokumen di bawah Surat Kredit kepada pihak bank untuk membuat pembayaran, pihak bank boleh membuat bayaran tersebut daripada akaun margin tunai. Sekiranya ia akaun deposit tetap, pihak bank berhak untuk menarik balik atau mencairkan deposit tetap dalam akaun tersebut tidak kira sama ada ia telah matang atau tidak dan menggunakan hasil atau pemerolehan daripadanya untuk melepaskan Surat Kredit. Jika amaun deposit tetap yang dicairkan digunakan untuk membuat pembayaran sebahagian daripada Surat Kredit yang dituntut, baki pemerolehan bagi deposit tetap tersebut selepas membuat pembayaran tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun semasa atau akaun margin tunai atau akaun lain pemohon yang dibuka dengan pihak bank. Amaun yang dikreditkan ke dalam mana-mana akaun tersebut tidak boleh digunakan oleh pemohon tetapi hendaklah diperuntukkan dan dipegang oleh pihak bank bagi membuat pembayaran berikutnya bagi baki Surat Kredit yang belum dibayar.

Pemohon akan mengganti rugi dan terus membayar ganti rugi kepada pihak bank terhadap semua tindakan, kerugian, kerosakan, tuntutan, kos, perbelanjaan, permintaan dan liabiliti dalam apa jua bentuk yang ditanggung, dibebani atau dialami oleh pihak bank berhubung dengan permintaan pemohon dalam menghasilkan Surat Kredit termasuk lanjutan dan pindaan berikutnya. Sekiranya pemohon terdiri daripada dua individu atau lebih, liabiliti pemohon akan menjadi bersama dan berasingan.

Pihak bank dan bank yang dinamakannya tidak akan memegang liabiliti atau tanggungjawab bagi pembentukan, kecukupan, ketepatan, keaslian atau kesan undang-undang bagi dokumen yang diterima di bawah Surat Kredit mahupun bagi kuantiti dan / atau kualiti barangan yang diterangkan dalam dokumen tersebut.

Surat Kredit ini tertakluk pada Uniform Customs and Practice for Documentary Credits, International Chamber of Commerce Publication yang sedang berkuat kuasa.

Semua dokumen pengangkutan dihantar atau dialamatkan kepada pemohon/ pelanggan dan satu Bil Muatan asal atau satu salinan dokumen pengangkutan yang lain akan dihantar kepada Pelanggan dan oleh itu pengeluaran Jaminan Perkapalan berkaitan dengan SKDK tidak dibenarkan.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1-Jun-18

**MAKLUMAT PERHUBUNGAN**

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi kami di:


**Group Transaction Banking Product**
**RHB Bank Berhad**
**Level 3, Tower 3,**
**RHB Centre,**
**Jalan Tun Razak,**
**50400 Kuala Lumpur**
**Tel:(603)92806323 / 92807254 / 92806615 / 92806601/ 92807076 / 92806086**


**Atau lawati http://www.rhbgroup.com/ (Business / Transaction Banking) untuk maklumat perhubungan pejabat wilayah.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1-Jun-18